

Insaniah wajar jadi universiti Islam

INSTITUT Agama Islam Negeri Kedah atau singkatannya Insaniah adalah sebuah institusi pengajian tinggi Islam yang menjalankan program pengajian berkembar dengan Universiti Al-Azhar di Mesir.

Dengan konsep pembelajaran berteraskan Islam, institut ini menjadi satu-satunya pusat pengajian tinggi Islam di Malaysia yang menjalankan program dan kuliah pengajiannya dalam Bahasa Arab sepenuhnya.

Insaniah mengadakan konvokesyen ketiga pada 21 September lalu dan menganugerahkan diploma kepada graduan kursus Syariah, Bahasa Arab dan Usuluddin.

Saya sebagai seorang ahli keluarga penerima diploma pada majlis itu turut berbangga dengan majlis berkenaan.

Pada majlis itu, Sultan Kedah melahirkan hasrat murni agar Insaniah menjadi sebuah universiti yang akan dikenali sebagai Universiti Islam Kedah (Unik). Kerajaan Kedah berusaha untuk menaikkan taraf Insaniah menjadi sebuah universiti.

Ini satu perkembangan baik yang sememangnya ditunggu-tunggu oleh ramai pelajar yang mengambil bidang pengajian Islam.

Selain itu, kursus tambahan diwujudkan seperti fakulti pengurusan dan perakaunan. Dengan ini, akan dapat memberi lebih peluang kepada pelajar aliran agama melanjutkan pengajian mereka.

Dengan naiknya taraf insaniah menjadi universiti, ia akan lebih memberikan perkembangan positif dalam bidang pengajian agama Islam di Malaysia. Sememangnya Insaniah sudah layak menjadi sebuah universiti yang diiktiraf oleh semua pihak di Malaysia.

Selain itu, ia akan menjadi satu-satunya universiti Islam di rantau

Universiti Islam Kedah jika jadi kenyataan dapat menampung pelajar pengajian agama tempatan juga pelajar dari negara lain

ini yang menjalankan pengajian dalam Bahasa Arab sepenuhnya.

Kita harus berbangga dan melihat perkembangan ini dari sudut pandangan yang positif.

Dengan usaha menaikkan taraf Insaniah kepada sebuah universiti, ia akan dapat memberi peluang pelajar aliran agama yang tidak dapat melanjutkan pelajarannya di universiti dalam atau luar negara, menyambung pengajiannya di Unik.

Selain itu, ia dapat membantu pelajar Islam dari Malaysia atau negara Asean atau Asia yang tidak berkemampuan melanjutkan pelajaran mereka ke universiti Timur Tengah, dapat melanjutkan pelajaran mereka di Unik. Ini secara tidak langsung dapat memperkenalkan Kedah dan Malaysia sebagai sebuah pusat pengajian tinggi Islam terkemuka.

Penubuhan sebuah universiti Islam yang berteraskan pengajian Islam dan bahasa Arab serta menggunakan kokurikulum dan sukatan pelajaran dari Universiti Al-Azhar, perlu diwujudkan. Ia akan dapat menggalakkan pelajar kita memahami dan menyemai nilai Islam dalam diri mereka.

Universiti Al-Azhar yang dikenali di serata dunia sebagai sebuah universiti unggul dan tertua perlu dijadikan panduan dan dikekalkan kokurikulumnya dalam usaha ke-

rajaan Kedah hendak menjadikan Insaniah sebagai sebuah universiti Islam di Malaysia.

Kita sebagai rakyat Malaysia harus menyokong penuh usaha kerajaan Kedah agar impian rakyat untuk melihat dan memiliki sebuah negeri Islam menjadi kenyataan. Ia dapat memenuhi harapan pelajar aliran agama yang tidak dapat ke luar negara tetapi kurang kemampuan dan ingin melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Saya berharap kerajaan negeri dan pihak bertanggungjawab dapat menaikkan taraf Insaniah menjadi sebuah universiti Islam, kalau boleh dalam jangka masa terdekat ini.

Selain itu, pengiktirafan ke atas graduan lulusan Insaniah perlu diberikan agar mereka mendapat peluang luas dalam bidang guna tenaga dan menyumbangkan tenaga mereka untuk kemajuan dan pembangunan negara.

Kemudahan prasarana dan infrastruktur universiti juga perlu diusahakan. Ini dapat menunjukkan bahawa pelajar dalam aliran Islam juga mampu menceburi dan menguasai pelbagai bidang kerjaya dan ilmu.

Dalam alaf baru yang lebih mencabar ini, peranan ulama dan ahli dalam bidang agama semakin penting untuk memimpin dan mengajar ummah mengenai Islam.

Di sinilah pentingnya sebuah universiti Islam diwujudkan bagi memenuhi keperluan umat Islam dalam bidang ilmu Islam. Saya sebagai warga Malaysia amat menantikan kemunculannya dan berbangga dengan adanya universiti ini.

ANAK JATI KEDAH,
Alor Star, Kedah.